



06 NOV, 2023

Upah RM550 seludup rokok

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Tumpat: Jabatan Kastam Diraja Kelantan (JKDM) mematahkan sindiket penyeludupan rokok putih bernilai RM1.18 juta termasuk cukai.

Pengarah JKDM Kelantan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, pihaknya membuat tangkapan terhadap seorang pemandu lori berusia 48 tahun pada 24 Oktober lalu di Kota Bharu.

"Lori itu dikesan di Pa-lek-bang di sini jam 10.30 malam dipandu dalam keadaan mencurigakan sebelum pasukan kami mengekorinya sehingga ke Jalan Sultan Yahya Petra, Kota Bharu iaitu kira-kira sejauh 10 kilometer.

"Pemeriksaan dalam lori itu menemui 156 peti dengan setiap satunya mengandungi 50 karton rokok putih disyaki diseludup dari negara jiran.

"Keseluruhan rampasan membabitkan 1,560,000 batang rokok dianggarkan bernilai RM140,400 dengan jumlah cukai RM1,043,640," katanya di Pejabat Cawangan Penguatkuasaan Kastam Pengkalan Kubor di sini, semalam.

Wan Jamal Abdul Salam berkata, suspek ditahan reman selama 10 hari sehingga 3 November lalu dan ha-



WAN Jamal Abdul Salam (kiri) bersama pegawainya menunjukkan rampasan 1,560,000 batang rokok dianggarkan bernilai RM140,400 dengan jumlah cukai RM1,043,640 di Pejabat Cawangan Penguatkuasaan Kastam Pengkalan Kubor. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Upah RM550 seludup rokok

sil soal siasat mendapati lelaki itu ditugaskan membawa rokok seludup dengan upah RM550 untuk satu perjalanan.

Menurutnya, rokok putih itu adalah untuk pasaran Lembah Klang memandangkan lokasi itu menerima permintaan yang menggalakkan dipercayai dijual pada harga murah.

"Sudah dua rampasan di-

buat membabitkan lori 'bonded' sebegini dan kita percaya kenderaan itu dianggap selamat kerana ia bertutup dan boleh mengaburi pandangan pihak berkuasa namun pihak kami sentiasa peka dengan tak-tik terbaru.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967 dan jika sabit kesalahan, boleh didenda ti-

dak kurang 10 kali ganda nilai barang atau RM100,000 yang mana lebih tinggi.

"Hukuman juga boleh dikenakan tidak lebih 20 kali ganda nilai barang atau RM500,000 yang mana lebih tinggi atau penjara tidak kurang enam bulan dan tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.



06 NOV, 2023

Upah RM550 seludup rokok

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Tumpat: Jabatan Kastam Diraja Kelantan (JKDM) mematahkan sindiket penyeludupan rokok putih bernilai RM1.18 juta termasuk cukai. Pengarah JKDM Kelantan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, pihaknya membuat tangkapan terhadap seorang pemandu lori berusia 48 tahun pada 24 Oktober lalu di Kota Bharu. “Lori itu dikesan di Palekbang di sini jam 10.30 malam dipandu dalam keadaan mencurigakan sebelum pasukan kami mengekorinya sehingga ke Jalan Sultan Yahya Petra, Kota Bharu iaitu kira-kira sejauh 10 kilometer.